

SEJARAH PENTADBIRAN UNIT KEUSAHAWANAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

✍️ Fathul Azan Faezan & Nursakinah Abd. Karim

Unit Keusahawanan UniMAP pada asalnya adalah terletak dibawah pentadbiran Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan(PK KK). Unit Keusahawanan UniMAP pada masa itu dikendalikan oleh Encik Kamal Baharin Bin Baharuddin. Beliau adalah pensyarah di PKKK yang telah ditugaskan untuk membangunkan Unit Keusahawanan UniMAP.

Namun, pada Januari 2005 Unit Keusahawanan telah bertukar pentadbiran apabila ditempatkan di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniMAP. Sebagai unit yang baru di Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni pada masa itu, Unit Keusahawanan telah ditadbir oleh seorang Pegawai Tadbir iaitu Encik Zakaria Bin Abd Rahman sebagai pegawai yang pertama mengendalikan Unit Keusahawanan UniMAP.

Setelah setahun beliau mengendalikan Unit Keusahawanan, Encik Zakaria Bin Abd Rahman telah menerima tugas baru di Unit Pembangunan Agroteknologi di bawah Jabatan Canselor [Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)]. Pada tahun 2007, jawatan Pegawai Tadbir di Unit Keusahawanan yang kosong tersebut telah digantikan oleh Encik Jaafar. Oleh kerana beliau adalah seorang pemegang biasiswa perguruan, maka beliau terpaksa meletak jawatan dan bertugas sebagai guru apabila beliau menerima tawaran untuk menjadi tenaga pengajar di salah sebuah sekolah di Kota Kinabalu, Sabah.

Sepanjang beliau mengendalikan Unit Keusahawanan, pada awal tahun 2007 Kelab Keusahawanan UniMAP telah berjaya ditubuhkan dengan secara rasminya. Presiden bagi Kelab Keusahawanan UniMAP yang pertama ialah Bukhari. Manakala Presiden yang ke-2 adalah Bulyami Bin Md Saad dan seterusnya ialah Mohd Kamal Bin Sulaiman sebagai Presiden Kelab Keusahawanan UniMAP yang ke-3.

Jawatan Pegawai Tadbir di Unit Keusahawanan JHEPA UniMAP tidak pernah ditinggalkan kosong begitu sahaja apabila Encik Fathul Azan Faezan pula mengambil alih tugas yang pernah digalas oleh 2 orang Pegawai Tadbir sebelum ini iaitu pada Disember 2007 sehingga kini. Manakala beliau telah dibantu oleh Puan Shuhada Hakimin sebagai Pembantu Tadbir Unit Keusahawanan UniMAP.

Demi memastikan Unit Keusahawanan JHEPA UniMAP terus bergerak maju, pada tahun 2008 unit ini juga telah menerima seorang lagi ahli baru iaitu Puan Nursakinah Abd Karim sebagai Pegawai Tadbir. Namun pada tahun 2009, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniMAP telah melakukan pertukaran staf peringkat dalaman. Dengan rombakan yang telah dilakukan, Puan Shuhada Hakimin sebagai Pembantu Tadbir di Unit Keusahawanan telah bertukar ke Unit Pinjaman & Kebajikan Pelajar. Manakala bagi Unit Keusahawanan pula telah menerima 2 orang Pembantu Tadbir iaitu Encik Adi Ashraf Zulkifli dari Unit Pinjaman & Kebajikan Pelajar dan Cik Syazwina Mohamed Adnan dari Unit Rakan Pendamping Siswa(RPS) sehingga kini.

Program / Aktiviti Keusahawanan

1. Penubuhan 'Student Mall'

Sebagai langkah untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan di kalangan mahasiswa/i, sebanyak 7 lot premis perniagaan mula ditubuhkan pada 28 Mac 2008 di kolej kediaman mahasiswa/i masing-masing iaitu 4 lot di Wang Ulu dan 3 lot di Kg. Wai. Pada tanggal 7 Julai 2008, Student Mall tersebut telah dirasmikan dengan jayanya oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis, Tan Sri Dato' Seri Zainul Ariff B. Hussain. Kini Student Mall tersebut telah beroperasi sepenuhnya dan dikendalikan oleh mahasiswa/i UniMAP sendiri. Diantara jenis perniagaan yang sedang dijalankan ialah ;

- i) Fotostat & Binding
- ii) Kedai Komputer
- iii) Kedai Runcit
- iv) Wifi Café
- v) Aksesori Lelaki/Wanita



2. Dataran Siswa

Satu dataran yang telah diberi nama sebagai "Dataran Siswa" telah diadakan di Kolej Kediaman Pelajar Seberang Ramai, Kuala Perlis. Ia merupakan suatu kawasan interaktif mahasiswa/i bagi menjalankan aktiviti-aktiviti santai aktiviti berunsurkan keusahawanan. Terdapat 5 buah kiosk/stall berserta beberapa buah meja dan kerusi plastik telah disediakan untuk mahasiswa/i dan staf menjalankan jualan kecil-kecilan di situ. Jenis perniagaan yang dijalankan ialah berkonepkan medan selera (*night uptown*). Waktu operasi jualan tersebut ialah bermula dari jam 6 petang hingga jam 1 pagi pada setiap hari.

3. Pasar Malam Siswa

Sebagai tambahan kepada aktiviti di Dataran Siswa, satu program yang diberi nama sebagai Pasar Malam Siswa telah diadakan di sepanjang jalan masuk ke Kolej Kediaman Seberang Ramai. Selain dari memberi kemudahan kepada mahasiswa/i di kolej kediaman untuk mendapatkan barang keperluan harian, matlamat utama program ini adalah untuk memberi cetusan idea kepada mahasiswa/i bagi mempelajari kemahiran perniagaan dan berupaya untuk bersaing dengan peniaga yang lain dalam melahirkan golongan yang mampu untuk mempertahankan produk mereka serta mewujudkan persekitaran yang lebih baik dalam kampus. Selain itu, ianya merupakan satu cara penyesuaian diri mahasiswa/i dalam pasaran perniagaan.

Jualan pasar malam ini dikendalikan oleh staf dan mahasiswa/i UniMAP sendiri pada hari tertentu setiap minggu. Antara kemudahan peralatan yang disediakan oleh Unit Keusahawanan HEPA, iaitu meja lipat plastik, kerusi plastik, serta khemah niaga bersaiz 10' x 10'. Pelbagai jenis jualan yang dijalankan di situ iaitu jualan makanan, minuman, pakaian, aksesori dan sebagainya.

4. Program anjuran:

1. Latihan Keusahawanan Siswa (LKS)

Program ini adalah satu program yang dirancang oleh Kementerian Usahawan dan Koperasi (MeCD) sebagai program sokongan kepada Program Skim Usahawan Siswazah (SUS) yang dimulakan pada tahun 1988 sebagai strategi untuk memberi pendedahan kepada para siswazah IPTA tentang dunia keusahawanan serta untuk mempercepatkan usaha menambah bilangan usahawan kelas menengah, kerana usahawan yang berilmu adalah asas kepada kewibawaan usahawan alaf globalisasi.

Sebanyak 3 siri bengkel telah diadakan sejak tahun 2006 hingga tahun 2008. Setiap siri berlangsung selama 2 hari 1 malam dan diterapkan sebanyak 2 modul setiap satu. Ini bermakna sehingga tahun 2008, sebanyak 6 modul kesemuanya telah selesai di pelajari oleh peserta yang sama. Tujuan bengkel ini diadakan ialah bagi melatih mahasiswa untuk menjadi usahawan dengan pembiayaan Kementerian Usahawan serta pelbagai agensi kerajaan yang lain. Pelbagai teknik, latihan dan pendedahan keusahawanan telah diberikakan termasuk lawatan ke beberapa tempat perniagaan tempatan dan yang bertaraf antarabangsa. Selain itu mereka juga disyaratkan untuk melalui satu ujian pemasaran, penjualan dan promosi perniagaan dengan berbekalkan pengetahuan dan kemahiran pada awal bengkel. Pada akhir bengkel ini setiap peserta dikehendaki membuat Rancangan Perniagaan yang efektif serta realistik dengan kos dan budget yang efisien. Segala corak, konsep, jenis dan teknik perniagaan didedahkan sepanjang kursus ini.

2. Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS)

Kursus Asas Keusahawanan Siswa pula merupakan kursus keusahawanan yang lebih lengkap dan padat berbanding LKS. Kandungan kursus tersebut adalah lebih kurang sama dengan LKS,

namun kesemua modul yang dipelajari semasa LKS (1-6) diajarkan sekaligus semasa KAKS ini. Selain itu, pelaksanaan KAKS ini juga adalah lebih lama berbanding LKS, iaitu selama 7 hari sekaligus.

Objektif utama kursus ini ialah untuk memberi pendedahan kaedah pengurusan kewangan yang cekap kepada para siswazah, supaya mahasiswa dapat merancang, mengurus dan melaksana perbelanjaan mengikut garis panduan yang betul. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kaedah mengira keuntungan dan kerugian dalam perniagaan serta memberi pendedahan menyediakan laporan belanjawan. Bagi memberi motivasi dan semangat kepada para siswazah terdapat juga ceramah disampaikan oleh tokoh jemputan yang berjaya.

Pihak Unit Keusahawanan HEPA UniMAP telah berjaya melaksanakan Program KAKS siri pertama iaitu pada 27hb Mei 2hb Jun 2008 dengan penglibatan seramai 40 orang peserta, siri ke 2 pada 22hb 28hb Nov 2008 dengan penglibatan seramai 35 peserta dan Siri ke 3 pada 17hb-22hb Dis 2008 dengan penglibatan seramai 30 orang peserta. Baru baru ini KAKS siri Ke 4 telah berjaya dilaksanakan pada tanggal 16hb hingga 22 Mei 2009 dengan penglibatan 30 penyertaan. Dari pemerhatian yang dibuat, kursus tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada mahasiswa/i UniMAP, mereka telah menimba pelbagai pengalaman sendiri setelah hadiri kursus tersebut kerana aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah secara teori dan praktikal. Setelah mereka hadiri kursus tersebut, mereka mula menunjukkan minat untuk menceburi perniagaan secara kecil-kecilan di kampus.

3. Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UniMAP

Pada tanggal 11hb hingga 13hb April 2008 tahun lalu, satu Karnival yang diberi nama Karnival Kerjaya dan Keusahawanan telah berjaya dianjurkan hasil usahasama Kelab Usahawan Mahasiswa UniMAP, Unit Keusahawanan HEPA, Pusat

Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK), Pusat Kerjasama Industri (CIC), Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MeCD) serta Kerajaan Negeri Perlis. Majlis tersebut telah berlangsung selama 3 hari, bertempat di Dewan 2020, Kangar serta telah menerima penyertaan lebih daripada 20 pelbagai syarikat dan agensi serta 52 jenis pameran.

Karnival tersebut telah dirasmikan oleh YBM Dato' Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail yang merupakan Exco Kerajaan Negeri Perlis. Selain dari aktiviti keusahawanan, sesi temuduga kerjaya juga turut diadakan untuk mahasiswa tahun akhir

Kelab Naungan

Kelab Usahawan Mahasiswa merupakan kelab mahasiswa/i di bawah naungan Unit Keusahawanan, HEPA. Penubuhan kelab ini adalah sebagai pemangkin dalam usaha menerapkan pembudayaan keusahawanan di kalangan mahasiswa/i UniMAP. Kini, lebih dari 150 orang mahasiswa telah

mendaftar diri sebagai ahli di dalam kelab ini. Ahli kelab ini juga turut aktif serta tidak ketinggalan untuk menjalankan aktiviti perniagaan, contohnya ketika hari Pendaftaran Minggu Suai Kenal, Festival Konvokesyen, Bazar Ramadhan, dan sebagainya. Mereka bukan sahaja terlibat dalam aktiviti anjuran dalaman, malah turut tidak melepaskan peluang sekiranya terdapat aktiviti anjuran pihak luar atau IPT lain seperti Karnival Usahawan Peringkat Nasional, Seminar Gerak Usahawan dan bengkel-bengkel lain anjuran pihak kementerian.

Pencapaian Mahasiswa/i:

1. Pertandingan Catur Bistari Peringkat Nasional

Tarikh : 10 Mei 2009

Tempat : Persada Johor

Kedudukan: Tempat ke-3

Hadiah: Pakej Perlancongan 3 hari 2 malam ke Jakarta, Indonesia.

2. Karnival Keusahawanan Siswa IPTA Peringkat Nasional ke IV (KARNIAWAN)

Tarikh : 8hb-10hb Januari 2009

Tempat : Universiti Utara Malaysia

Pertandingan Sesi Penerokaan Catur Bistari:

Kedudukan:

1. Nilai Aset Tertinggi (Juara)
2. Nilai Amal Tertinggi (Naib Juara)
3. Kump. Pertama ke Laluan Tjjarah (Naib Juara)
4. Kump. Pertama ke laluan Jihad Bisnes (Tempat ke-3)

